



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen *Pump Up Your Protection* 2025 – Terma dan Syarat

Kempen *Pump Up Your Protection* 2025 ("**Kempen**") ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142), Maybank Islamic Berhad (200701029411) (secara kolektif dikenali sebagai "**Maybank**"), serta Etiqa General Insurance Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 197001000276) dan Etiqa General Takaful Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 201701025031) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Etiqa**"), dan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 1D di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat kepada terma dan syarat yang dinyatakan, dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad serta mengikat.

1. Kelayakan

A. Kempen ini terbuka kepada individu yang memenuhi kriteria berikut:

- Mendaftar buat kali pertama untuk pelan insurans/takaful Kereta, Motosikal, PesonaLady atau Hero15 melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u ("**Transaksi Layak**" / "**Pemohon Baharu**")
- Tidak pernah membeli sebarang pelan insurans atau takaful melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u sebelum tempoh kempen bermula.

B. Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah.

C. Pekerja semasa Maybank dan kumpulan syarikatnya yang terlibat secara langsung dengan kempen/jawatankuasa penganjur TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini.

D. Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausula 1A dan 1B, serta telah melaksanakan Transaksi Layak yang berjaya, selepas ini akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**". Pelanggan Layak secara automatik akan layak untuk menyertai Kempen ini.

2. Mekanik Kempen

A. Kempen ini akan berlangsung dari 25 September 2025 jam 12:00:00 tengah malam (MYT) sehingga 31 Januari 2026 jam 11:59:59 malam (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] ("**Tempoh Kempen**").

B. Tempoh Kempen bagi hadiah utama adalah dari 25 September 2025 hingga 31 Januari 2026.



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen Pump Up Your Protection 2025 – Terma dan Syarat

- C. Kempen ini hanya sah untuk transaksi yang dibuat melalui aplikasi MAE dan laman web Maybank2u. Sebarang transaksi yang dibuat di luar aplikasi MAE dan laman web Maybank2u tidak akan diambil kira atau dianggap sebagai sebahagian daripada Kempen ini. Kempen ini hanya sah untuk akaun Maybank yang didaftarkan di Malaysia sahaja.
- D. Mekanisme Kempen adalah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Mekanisme Kempen

Transaksi Layak	Tarikh	Mekanisme
Pelanggan Layak yang mendaftar buat kali pertama bagi pelan insurans/takaful berikut melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u: • Kereta • Motosikal • PesonaLady • Hero15	Pelanggan Layak berpeluang memenangi hadiah bulanan dalam fasa-fasa berikut setiap bulan. Bulan 1: 25 September 2025 – 30 September 2025 Bulan 2: 25 Oktober 2025 – 30 Oktober 2025 Bulan 3: 25 November 2025 – 30 November 2025 Bulan 4: 25 Disember 2025 – 30 Disember 2025 Bulan 5: 25 Januari 2026 – 30 Januari 2026	<u>HADIAH BULANAN:</u> Insurans/Takaful Kereta 150 pemohon baharu pertama bagi setiap Fasa Kempen akan menerima baucar petrol bernilai RM20. • Fasa 1: 150 pemenang • Fasa 2: 150 pemenang • Fasa 3: 150 pemenang • Fasa 4: 150 pemenang • Fasa 5: 150 pemenang Insurans/Takaful Motosikal 150 pemohon baharu pertama bagi setiap Fasa Kempen akan menerima baucar petrol bernilai RM20. • Fasa 1: 150 pemenang • Fasa 2: 150 pemenang • Fasa 3: 150 pemenang • Fasa 4: 150 pemenang • Fasa 5: 150 pemenang Pelan Kemalangan Diri a) Insurans/Takaful PesonaLady ATAU Hero15



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen *Pump Up Your Protection* 2025 – Terma dan Syarat

		150 pemohon baharu pertama bagi setiap Fasa Kempen akan menerima baucar petrol bernilai RM20. - 75 pelanggan pertama untuk Insurans/Takaful PesonaLady - 75 pelanggan pertama untuk Insurans/Takaful Hero15 • Fasa 1: 150 pemenang • Fasa 2: 150 pemenang • Fasa 3: 150 pemenang • Fasa 4: 150 pemenang • Fasa 5: 150 pemenang Pemenang hadiah bulanan tidak layak untuk memenangi hadiah utama. Walau bagaimanapun, Pelanggan Layak yang membeli pelan dalam setiap fasa tetapi bukan antara 150 pertama bagi mana-mana produk, masih layak untuk memenangi hadiah utama.
	25 September 2025 - 31 Januari 2026	<u>HADIAH UTAMA:</u> Insurans/Takaful Kereta, Motosikal, PesonaLady dan Hero15 Sebanyak 250 pemenang akan menerima baucar petrol bernilai RM50 melalui cabutan bertuah yang akan dilaksanakan menggunakan sistem penjana rawak, dengan kehadiran saksi untuk memerhati dan mengesahkan tahap ketelusan serta keadilan proses tersebut. Saksi-saksi berkenaan akan mengesahkan bahawa proses pemilihan telah dijalankan mengikut peraturan dan syarat Kempen.

Sebanyak 2,500 pemenang akan dipilih sepanjang Tempoh Kempen. Setiap Pelanggan Layak hanya berhak menerima maksimum satu (1) baucar petrol sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira jenis insurans/takaful yang dibeli atau fasa kempen yang disertai. Perkara ini tetap



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen Pump Up Your Protection 2025 – Terma dan Syarat

terpakai walaupun Pelanggan Layak membeli lebih daripada satu insurans/takaful dalam lebih daripada satu fasa.

Setiap Pelanggan Layak tidak layak untuk menerima hadiah daripada mana-mana kempen Insurans/Takaful lain yang dianjurkan oleh Maybank dan kumpulan syarikatnya yang sedang berlangsung.

E. Contoh / senario kelayakan hadiah adalah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Senario

Senario	Kelayakan untuk Menerima Baucar Petrol
Pelanggan mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u buat kali pertama dalam Bulan 1. Pelanggan Layak tersebut ialah pelanggan ke-25 yang membuat pembelian.	Pelanggan layak menerima baucar petrol bernilai RM20, dan tidak layak menerima baucar petrol bernilai RM50 kerana pelanggan tersebut telah pun menjadi pemenang hadiah bulanan.
Pelanggan mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Motosikal melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u buat kali pertama dalam Bulan 1. Pelanggan Layak tersebut ialah pelanggan ke-800 yang membuat pembelian.	Pelanggan tidak layak menerima baucar petrol bernilai RM20 kerana pelanggan tersebut bukan antara 150 pelanggan pertama. Pelanggan layak untuk memenangi baucar petrol bernilai RM50 melalui cabutan bertuah kerana pembelian pelan telah dibuat dalam tempoh kempen.
Pelanggan mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u dalam Bulan 1 dan telah mendaftar untuk satu lagi pelan Insurans/Takaful Kereta tiga (3) bulan yang lalu. Pelanggan tersebut ialah pelanggan ke-225 yang membuat pembelian.	Pelanggan tidak layak menerima baucar petrol bernilai RM20 dan tidak layak memenangi baucar petrol bernilai RM50 melalui cabutan bertuah kerana pelanggan tersebut bukan pemohon kali pertama bagi Insurans/Takaful Kereta.
Pelanggan merupakan pelanggan ke-70 yang membuat pembelian pelan Insurans/Takaful PesonaLady dalam Bulan 1 melalui aplikasi MAE, dan pelanggan ke-80 yang membuat pembelian pelan Insurans/Takaful Hero15 dalam Bulan 1 melalui aplikasi MAE.	Pelanggan hanya layak menerima baucar petrol bernilai RM20 bagi Insurans/Takaful PesonaLady, dan tidak layak menerima baucar petrol bernilai RM50 kerana pelanggan tersebut telah pun menjadi pemenang hadiah bulanan. Seorang pemenang hadiah bulanan tidak layak untuk bertanding bagi memenangi hadiah utama.



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen Pump Up Your Protection 2025 – Terma dan Syarat

Pelanggan merupakan pelanggan ke-100 yang membuat pembelian pelan Insurans/Takaful Kereta dalam Bulan 1 melalui laman web Etiqa, dan merupakan pelanggan ke-80 yang membuat pembelian pelan Insurans Motosikal dalam Bulan 2.	Pelanggan tidak layak untuk menerima baucar petrol bernilai RM20 bagi Insurans/Takaful Kereta kerana permohonan tidak dibuat melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u. Pelanggan juga tidak layak menerima baucar petrol bernilai RM20 bagi pembelian kedua kerana tidak dibuat melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u.
Pelanggan telah memperbaharui satu (1) pelan Insurans/Takaful Motosikal yang sedia ada dan mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Hero15 baharu buat kali pertama, kedua-duanya melalui aplikasi MAE.	Pelanggan TIDAK layak menerima baucar petrol bernilai RM20 atau memenangi baucar petrol bernilai RM50 kerana pelanggan tersebut telah membeli Insurans/Takaful Motosikal sebelum Tempoh Kempen.

3. Pemenuhan Hadiah

- A. Maybank berhak untuk menggantikan hadiah dengan mana-mana item lain yang mempunyai nilai pasaran setara mengikut budi bicara mutlakny, dengan memberikan notis awal selama tiga puluh (30) hari kepada Pelanggan Layak melalui pemberitahuan semerta daripada aplikasi MAE dan/atau Mel Langsung Elektronik (EDM), atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Maybank.
- B. Pemenang akan dimaklumkan secara bertulis melalui pemberitahuan semerta (push notification) daripada aplikasi MAE dan/atau Mel Langsung Elektronik (EDM), atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Maybank. Pemenang hendaklah memastikan butiran perhubungan mereka sentiasa dikemas kini. Sekiranya gagal, seorang Pemenang lain akan dipilih secara automatik tanpa sebarang notis terdahulu.
- C. Pemenang boleh dihubungi oleh Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank bagi tujuan pengesahan. Maybank berhak untuk meminta dokumentasi atau bukti pengenalan diri, umur, dan alamat tempat tinggal daripada mana-mana Pemenang.
- D. Nama semua Pemenang serta nombor NRIC mereka (4 digit terakhir) boleh disiarkan di laman promosi Kempen di <http://www.maybank2u.com.my> dan/atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Maybank, bagi tujuan ketelusan, setelah mendapat persetujuan daripada Pemenang.
- E. Maybank akan mengenal pasti Pemenang dan menyerahkan baucar petrol/hadiah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas berakhirnya Tempoh Kempen. Hadiah akan dihantar ke alamat kediaman Pemenang yang didaftarkan dengan Maybank, atau melalui Mel Langsung Elektronik (EDM), atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Maybank.



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen Pump Up Your Protection 2025 – Terma dan Syarat

- F. Sekiranya Pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank berhak untuk melucutkan hadiah bagi Pemenang tersebut.
- G. Sekiranya Pemenang tidak menerima baucar petrol/hadiah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas berakhirnya Tempoh Kempen, Pemenang boleh menghubungi MGCC di 1300886688 (Malaysia), +603-7844 3696 (Luar Negara), atau menghantar e-mel ke mgcc@maybank.com.my.

4. Terma & Syarat Am

- A. Maybank dan Etiqa tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan berhubung dengan sebarang kegagalan teknikal dalam apa-apa jua bentuk, gangguan, intervensi, serta ralat elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e, dengan syarat kegagalan tersebut bukan disebabkan oleh Maybank.
- B. Maybank dan Etiqa berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, serta berhak untuk meminda mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari ("hari" hendaklah membawa maksud hari kalendar). Notis tersebut akan disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui mana-mana saluran lain yang ditentukan sesuai oleh Maybank. Pelanggan Layak mempunyai tanggungjawab untuk mendapatkan maklumat atau merujuk kepada sebarang notis yang disiarkan secara sah.
- C. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala bagi menyemak terma dan syarat ini serta mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya terdapat mana-mana terma dan syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- D. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank selaras dengan Pernyataan Privasi Maybank yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my ("**Pernyataan Privasi Maybank**") dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu.

Selain itu, tanpa menjejaskan terma dalam Pernyataan Privasi Maybank dan Pernyataan Privasi Etiqa serta Borang PDPA untuk Pelanggan Individu, Pelanggan Layak bersetuju dan memberi kebenaran supaya data atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank dan Etiqa bagi tujuan berikut:



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen *Pump Up Your Protection* 2025 – Terma dan Syarat

- i. bagi tujuan Kempen; dan
- ii. bagi aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank dan Etiqa, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio, media dalam talian dan digital serta di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi ini termasuk tanpa had kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang diberikan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta jawapan dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, Pelanggan Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

Nota: "PDPA" merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

- E. Maybank, Etiqa serta pegawai, pekerja, kakitangan, wakil dan/atau ejen mereka (termasuk tanpa had mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan Layak dalam Kempen ini bagi sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini, kecuali jika disebabkan oleh sebarang kecuai melampau atau ketinggalan oleh Maybank dan Etiqa.
- F. Maybank dan Etiqa tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank dan Etiqa.
- G. Maybank dan Etiqa berhak untuk membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pelanggan Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan tipu daya dan/atau perdayaan dan/atau perbuatan menipu berhubung dengan Kempen ini.
- H. Etiqa dan Maybank ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).
- I. Manfaat yang dibayar di bawah produk layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had yang ditetapkan. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Etiqa General Insurance Berhad/Etiqa General Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my) | Ahli PIDM.



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen *Pump Up Your Protection* 2025 – Terma dan Syarat

J. Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir oleh Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif, bagi maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my.